

Untuk biayai pembinaan infrastruktur **Penswastaan** **dimaksimumkan**

Oleh **DELAILA HUSSEIN**

BANGI, Isnin -- Kerajaan akan memaksimumkan pelaksanaan dasar penswastaan kerana berpendapat ia cara paling sesuai untuk mendapatkan pembiayaan segera bagi pembinaan infrastruktur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pelaksanaan dasar itu juga bermakna hanya mereka yang menggunakan kemudahan berkenaan sahaja diperlukan membayar.

"Oleh itu, wang kerajaan boleh ditumpukan kepada pembiayaan infrastruktur yang bukan untuk kegunaan komersil seperti jalan di kawasan luar bandar, sekolah, dan klinik," katanya sewaktu merasmikan Program Penilaian Projek dan Pengurusan Analisis Risiko untuk Ahli-Ahli Bank di Insitut Latihan Pengurusan Petronas di sini hari ini.

Program itu dianjurkan oleh Kelab Harvard Malaysia dengan kerjasama Institut Harvard untuk Pembangunan

Antarabangsa dan Institut Bank-Bank Malaysia.

Perdana Menteri menegaskan berikutan keputusan itu, pembinaan kawasan perindustrian, pelabuhan, jalan raya dan sebagainya akan dikendalikan sepenuhnya oleh sektor swasta dan bayarannya pula ditanggung oleh mereka yang menggunakan kemudahan berkenaan.

"Pengalaman kami selama ini menunjukkan penswastaan amat berfaedah dan kami akan menggunakannya seberapa banyak yang mungkin.

"Tiada sebab mengapa seorang pemilik kereta di sebuah bandar kecil yang terpencil harus membayar bagi lebuhraya dan jalan di bandaraya yang dia tidak gunakan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan kadar cukai petrol yang lebih tinggi perlu dikenakan sekiranya pembinaan infrastruktur dibiayai dengan menggunakan sumber kewangan awam.

"Apabila ini dilakukan, pemilik kereta di bandar kecil itu juga terpaksa menanggung beban kos bayaran sedangkan

dia tidak menggunakan kemudahan berkenaan," tambahnya.

Beliau menekankan penswastaan juga membolehkan sumber kewangan yang diperlukan dengan segera diperolehi untuk membina infrastruktur tanpa menjejaskan sumber kewangan untuk membiayai pembinaan.

"Meminjam untuk membiayai pembinaan juga akan memberi kesan yang sama kerana beban bayaran ditanggung bersama sedangkan kemudahan itu hanya digunakan oleh pihak tertentu sahaja," katanya.

Perdana Menteri berkata semua masalah kesesakan infrastruktur yang dihadapi itu adalah berikutan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan kesesakan itu begitu ketara di Lembah Klang.

"Oleh itu, kerajaan memerlukan lebih banyak sumber kewangan untuk membiayai pembinaan infrastruktur.

"Meminjam secara berlebihan pula akan menyebabkan kerajaan menanggung beban kewangan yang serius kemudian," katanya.